



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**Operasi sepadu JPES dan SDT rekod empat (4) kesalahan di bawah Akta Kawalan
Harga dan Akta Sukatan dan Timbangan**

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi sepadu ke atas premis-premis perniagaan di daerah Brunei Muara baru-baru ini, dengan tumpuan di kawasan Lambak.
2. Hasil daripada operasi sepadu berkenaan, sebanyak dua (2) buah premis perniagaan telah didapati gagal mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Sebuah premis perniagaan telah dikeluarkan dua (2) Notis Amaran kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga iaitu minyak masak, dan tidak mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan. Satu (1) kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan kepada Syarikat Ashlam Enterprise atas ketidakpatuhan paparan tanda harga iaitu gagal mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan di dalam premis perniagaan.
3. Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak dua belas (12) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Satu (1) Notis Penyitaan dikeluarkan yang mana tiga (3) unit alat timbangan kepunyaan Syarikat Ashlam Enterprise didapati gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994. Alat-alat timbangan tersebut disita kerana syarikat berkenaan belum berdaftar sebagai pembekal yang sah. Dalam pada itu, pihak syarikat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh (7) hari waktu berkerja dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan.
4. Operasi sepadu adalah tindakan penguatkuasaan bulanan dalam memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151. Operasi tersebut juga bertujuan untuk menguatkuasa Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya bagi memastikan barangan yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, serta barangan yang dijual dibubuh tanda harga yang jelas dan betul bagi memelihara kebajikan pengguna di Negara ini.

5. JPES dan Unit SDT ingin menasihatkan peniaga agar sentiasa menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dan wajar dengan mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
6. Ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000 dan bagi kesalahan berulang boleh dikenakan denda maksimum sebanyak BND20,000 dan penjara selama lima (5) tahun. Manakala, ketidakpatuhan terhadap Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 boleh membawa kepada denda sebanyak BND1,000 atau penjara selama tiga (3) bulan atau kedua-duanya sekali serta timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang tersebut boleh disita.
7. Pertanyaan atau aduan mengenai kawalan harga serta sukatan dan timbangan boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:
 - Akta Kawalan Harga: Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123; atau e-mel: aduanpengguna@jpes.gov.bn
 - Akta Sukatan dan Timbangan: Unit Sukatan dan Timbangan, IBE melalui nombor talian 2334092; atau e-mel: sdt@mofe.gov.bn

#####

Disediakan oleh:
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (77) JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Tarikh : 20 Safar 1447 / 14 Ogos 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

Joint operation DEPS and SDT recorded four (4) offences under the Price Control Act and the Weights and Measures Act

1. The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs, in collaboration with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division under the Ministry of Finance and Economy has recently conducted a joint operation at business premises in the Brunei Muara district, focusing on Lambak area.
2. Following the joint-operation, two (2) business premises were found to have infringed the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations. One of the business premises was issued two (2) Warning Notices for selling cooking oil, a price-controlled item, above the prescribed maximum price, and for failure to display prices on some of the items sold within the business premise. A compound of BND500 was also issued to Syarikat Ashlam Enterprise for non-compliance with price display regulations, in particular for failing to display prices on some items within the business premise.
3. Meanwhile, SDT Unit has found twelve (12) units of measuring and weighing machines used for trading purposes. One (1) Seizure Notice was issued after three (3) units owned by Syarikat Ashlam Enterprise were found to be non-compliant with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151, Weights and Measures (Verification) Regulations 1994. The weighing machines were seized because the company has not registered as a legitimate supplier. The company is required to report to the SDT Unit's office within seven (7) working days from the date of the issued notice to rectify the issue.
4. The joint operation was part of a monthly enforcement initiative to ensure that weights and measures machines used in business activities are registered and verified in accordance with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151. The operation also aimed to enforce the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations by ensuring that price-controlled items are sold within the set maximum prices and that prices are clearly and accurately displayed, thereby upholding consumer welfare.
5. DEPS and SDT Unit would like to remind businesses to practise fair and ethical conduct by complying with the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151.

6. Non-compliance with the Price Control Act, Chapter 142, may result in a compound of up to BND1,000. Repeat offences are subject to a maximum fine of BND20,000 and imprisonment for up to five (5) years. Offences under the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151, may result in a fine of BND1,000, imprisonment for up to three (3) months, or both. In addition, the weights and measures machines involved may be confiscated.
7. Inquiries or reports related to price control or weights and measures can be directed to the following official channels:
 - Price Control Act: Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123; or email: aduanpengguna@jpes.gov.bn
 - Weights and Measures Act: Weights and Measures Unit, IBE through phone number 2334092; or email: sdt@mofe.gov.bn

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (77) JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Date : 20 Safar 1447 / 14 August 2025